

Penjaga kawasan elak penceroboh masuk

TERDAPAT sesetengah daripada kita mempunyai kebun yang besar juga kawasan rumah yang besar.

Apa yang sering kita lihat berlaku apabila ada penceroboh yang masuk ke dalam rumah, barulah pengira berbunyi dan kita sedar.

Dan penceroboh juga akan panik apabila berada di dalam rumah dan pelbagai perkara yang akan berlaku.

Penjaga kawasan seperti di dalam gambarnya ataupun diadukan pager, maka apabila ada penceroboh yang memasuki bahagian pager, sebelah memantol ke dalam rumah, sistem penjaga rumah ini akan terlebih dahulu memberi amaran awal kepada kita.

Alatan yang digunakan:

- 1) Penyepit baja
- 2) Locong isyarat (buzzer)
- 3) Bateri 1.5v sebanyak dua biji
- 4) Wayar
- 5) Kepingan plastik (penebat)
- 6) Tali panjang

Langkah 1

Pada hujung wayar, buang sedikit penebat kemudian

lilitkan wayar pada (+) pada bahagian muncung penyepit sebelah atas dan wayar (-) pada sebelah bawah.

Langkah 2

Sambungkan salah satu wayar daripada muncung penyepit baja ke buzzer.

Langkah 3

Repitkan kepingan plastik yang telah diikat dengan tali panjang.

Langkah 4

Sambungkan wayar daripada penyepit ke bateri (-).

Langkah 5

Sambungkan wayar daripada locong isyarat (buzzer) ke bateri (+).

Langkah 6

Tarik tali daripada kepingan plastik yang ditepit pada penyepit baja sehingga tegang dan ikat pada mana-mana sudut bagi menghalang kawasan laluan yang dikehendaki.

Jika tali yang dijadikan halangan itu dilanggar dan menyebabkan kepingan plastik (penebat) tercabut daripada penyepit baja, maka locong isyarat akan berbunyi.

